

FESIN CAPSULES 200MG

Guaifenesin (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Fesin Capsules
2. Bagaimanakah Fesin Capsules berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fesin Capsules
4. Cara menggunakan Fesin Capsules
5. Semasa menggunakan Fesin Capsules
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fesin Capsules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Fesin Capsules

Fesin Capsules adalah ekspektoran yang digunakan dalam rawatan batuk berkahak dan membantu untuk melegakan batuk.

Bagaimanakah Fesin Capsules berfungsi

Guaifenesin adalah bahan aktif dalam Fesin Capsules. Guaifenesin bertindak dengan dengan mencairkan (kahak) untuk membantu melegakan kesesakan dada.

Sebelum menggunakan Fesin Capsules

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah (hipersensitif) kepada Guaifenesin atau mana-mana bahan yang terkandung di dalam Fesin Capsules.

-Sebelum mula menggunakan Fesin Capsules

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan berikut:

- Anda hamil, mungkin hamil atau merancang untuk hamil.
- Anda menyusui bayi atau merancang untuk menyusui bayi.

Mengandung dan menyusukan bayi

Tiada maklumat yang mencukupi terhadap penggunaan guaifenesin semasa mengandung dan menyusui. Bincang dengan doktor mengenai faedah rawatan terhadap risiko yang

dijangka sebelum mengambil ubat ini semasa mengandung dan menyusui.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat lain, termasuk tonik herba, suplemen atau ubat-ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Guaifenesin boleh menjejaskan ujian makmal tertentu yang digunakan untuk mendiagnosis simpton yang dipanggil *carcinoid syndrome*. Berhenti mengambil ubat ini 24 jam sebelum ujian dijalankan.

Cara menggunakan Fesin Capsules

Sentiasa guna ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda perlu rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Ubat ini hanya boleh diambil secara oral sahaja.

-Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas
1 hingga 2 kapsul setiap 4 jam, tidak melebihi 12 kapsul dalam 24 jam.

-Bila perlu digunakan

Gunakan ubat seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa untuk menggunakannya, ambil secepat mungkin bila anda teringat.
- Tetapi, jika ia telah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal.
- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil dos berlebihan, loya dan muntah mungkin berlaku. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa disyaki telah terambil dos yang berlebihan walaupun tiada sebarang rasa tidak selesa atau

kesan keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Fesin Capsules

-Perkara yang perlu dilakukan

Rujuk kepada doktor anda jika simpton anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Fesin Capsules kepada orang lain, walaupun simpton-simpton mereka seolah-olah serupa atau mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Fesin Capsules untuk anda dan keadaan anda sahaja.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau menggunakan mesin jika anda merasa pening atau sakit kepala.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Fesin Capsules boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku dengan ubat ini adalah seperti berikut:

- Ketidakselesaan perut
- Loya
- Muntah
- Pening
- Cirit-birit
- Sakit kepala
- Ruam (termasuk geligata)

Sekiranya kesan sampingan bertambah serius, atau anda perhatikan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ada sebarang keraguan atau ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Fesin Capsules

-Penyimpanan

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pek. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Fesin Capsules perlu disimpan pada suhu di bawah 30°C dan dilindungi daripada kepanasan dan kelembapan.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubat tidak boleh dibuang melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat-ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Satu serbuk putih atau putih kekuningan diisi dalam kapsul berwarna putih gading.

-Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif:

Guaifenesin

- Bahan tidak aktif:

Dried Corn Starch, Lactose, Magnesium Stearate, Talc.

-Nombor MAL:

MAL19920345X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

03/08/2021

Serial Number

NPRA(R4/1)250621/00054